



IHYA' RAMADAN TNB MERIAH DENGAN IBADAH, UKHUWAH & KEBERKATAN

SENTIMENT	Positive	FREQUENCY	Daily	MEDIA TYPE	Newspaper
OUTLET COUNTRY	Malaysia	OUTLET LANGUAGE	Malay	IMPRESSIONS	172,826
CIRCULATION	86413	DISTRIBUTION	N/A	SECTION	lokal
PAGE	23	SIZE	400 cc		



ORANG ramai yang hadir memeriahkan Program Ihya' Ramadan TNB di Kompleks Balai Islam An-Nur TNB, Bangsar.

IHYA' RAMADAN TNB MERIAH DENGAN IBADAH, UKHUWAH & KEBERKATAN

Anjur program santuni 2,500 orang setiap hari daripada komuniti sekitar Bangsar

Oleh Sulati Asri
sulati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ramadan kali ini menjadikan saksi Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus memantapkan usaha menghidupkan bulan penuh keberkatan ini dengan semangat kebersamaan melalui Program Ihya' Ramadhan TNB di Kompleks Balai Islam An-Nur, TNB, Bangsar.

Bukan sekadar ruang untuk berbuka puasa dan menunaikan solat tarawih, program ini turut diisi dengan pelbagai aktiviti keilmuan dan kemasyarakatan yang mengerakkan hujung sesama komuniti.

Ketua Pegawai Insan TNB, Feldatum Sharif berkata Program Ihya' Ramadhan TNB dianjurkan bertujuan menghidupkan suasana ibadah di Kompleks Balai Islam An-Nur TNB, Bangsar, pada bulan Ramadhan.

Katanya program ini juga dianjurkan bagi mengerakkan hubungan antara warga kerja, masyarakat setempat serta musafir yang singgah.

Bertemakan "Ramadan



Semuanya kita sediakan untuk mencipta pengalaman Ramadhan yang lebih selesa dan inklusif buat semua lapisan masyarakat"

Feldatum Sharif,
Ketua Pegawai Insan TNB



Dihayati, Komuniti Disantuni" program ini menyediakan hidangan iftar, sahur dan moreh serta solat tarawih bersama imam jemputan. Terdapat juga aktiviti seperti tadarus al-Quran, Klinik Al-Fatihah dan kaunter zikat fitrah untuk memberi manfaat kepada lebih ramai orang.

"Bagi memastikan keselasaan semua jemaah, kami turut menyediakan ruang khas untuk keluarga dengan anak kecil, Kids Playroom selain kemudahan mesra orang kulinari upaya (OKU) seperti tanjakan (ramp) dan tandas khas serta akses mudah melalui stesen LRT/KTM Abdullah Hukum dan lebuh raya NPE.

"Keistimewaan program ini juga terletak pada sumbangannya infak Ramadan,

yang mana sebahagian besar hidangan berbuka puasa dan aktiviti lain dibayai hasil sumbangan warga kerja TNB serta jabatan dan bahagian dalam organisasi ini.

"Saya ingin merakamkan settinggi-tinggi penghargaan kepada Pengurusan TNB dan seluruh warga kerja TNB yang telah menyumbang dalam pelbagai bentuk, sama ada wang ringgit, tenaga, masa dan idea. Terima kasih juga kepada semua sukarelawan yang bertugas setiap hari tanpa dan mengeluh dan terus bersemangat demi memastikan kejayaan program ini."

"Alhamdulillah sehingga hari ini, kehadiran mencapai 2,000 hingga 2,500 orang setiap hari sekali gus menunjukkan sokongan luar biasa daripada komuniti sekitar Bangsar dan Kuala Lumpur, termasuk pelajar universiti, keluarga warga kerja TNB serta musafir yang singgah untuk berbuka puasa dan menuaikekan solat."

"Keistimewaan program ini juga terletak pada sumbangannya infak Ramadan,

Beda Buku "Kompas 114" bersama Ustaz Syaari.

Aktiviti yang dianjurkan secara percuti ini bukan saja memberi peluang kepada kanak-kanak dan keluarga mendalami ilmu agama dengan cara yang lebih santai, tetapi juga mengerakkan ukhuwah dalam suasana Ramadhan yang penuh keberkatan.

Kehadiran dan sokongan pengunjung menjadikan program ini lebih bermakna dan memperkuat semangat Ramadhan dalam komuniti.

Justeru, TNB berharap Ihya' Ramadhan

TNB akan terus menjadi wadah memperkuat ukhuwah serta mengamalkan Ramadhan dengan penuh keimsahan.

Feldatum berkata berikut sambutan yang menggalakkan, insya-Allah, Ihya' Ramadhan akan dianjurkan lagi pada masa depan serta menjadi platform untuk kita berkongsi rezeki dan keberkatan bersama.

"Sempena hari raya ini juga, kami akan mengadakan solat sunat Aidilfitri di Kompleks Balai Islam An-Nur, TNB, Bangsar. Jemput semua untuk hadir," katanya.



TNB menyediakan ruang khas untuk keluarga dengan anak kecil, Kids Playroom.